

# Ikat perut, kerja sambilan demi bayar rumah sewa

**Mahasiswa gesa KPT tambah kolej kediaman, beri peluang lebih ramai pelajar tinggal di asrama**

Oleh Nas Norziela Nasbah  
bhpendidikan@bh.com.my

**Isu** pelajar universiti awam (UA) perlu tinggal di luar kampus walaupun masih dalam tempoh pengajian bukanlah hal baru. Sebaliknya amalan itu sudah wujud sejak sekian lama.

Meskipun kos sara hidup di luar kampus lebih tinggi sehingga ada pelajar yang perlu mengikat perut atau melakukan kerja sambilan demi menampung kos, tetapi pihak UA mempunyai syarat tertentu dalam membenarkan pelajar kekal di kolej kediaman.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Arifin Abdu, berkata UA akan menyediakan kemudahan penginapan yang selamat dan kondusif untuk pelajar.

Bagaimanapun ia tidak bermakna seseorang pelajar itu akan kekal berada di kolej kediaman sehingga tamat pengajian. Secara umum, pelajar akan diberikan penginapan di kampus pada tahun pertama sebelum keluar pada tahun kedua. Namun ia juga bergantung kepada beberapa faktor.

"Sama ada mereka kekal atau tidak di kolej kediaman pada sesi pengajian seterusnya bergantung kepada jumlah merit yang diperoleh menerusi pembabitan mereka dalam aktiviti pelajar.

"Melalui sistem ini persaingan sihat dapat dipertingkatkan dengan membabitkan diri melalui aktiviti kolej yang menjurus kepada penghasilan graduan berkualiti dan berdaya saing," katanya.

Katanya, bagi UPM, kriteria kelayakan untuk pelajar terus menginap di kolej kediaman antaranya aktif dalam kegiatan yang diluluskan pihak universiti.

Pelajar juga katanya harus mencapai jumlah merit kelayakan menginap yang mencukupi seperti mana yang ditetapkan.

"Selain itu, kelayakan juga adalah berdasarkan kekosongan bilik dan budi bicara Pengetua dan Tim-



Persekutuan pembelajaran di kolej kediaman lebih selesa dan memudahkan pelajar ke fakulti. (Foto hiasan)

balan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)," katanya.

#### Semua masih terkawal

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UPM 2021/2022, Mohammad Haziq Zikri Zainuri, sembilan kolej kediaman di UPM sememangnya tidak cukup untuk semua pelajar kerana penempatan hanya dapat disediakan untuk 45 hingga 55 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar UPM.

Justeru katanya, sebagai pelajar mereka memahami dasar yang dibuat universiti dan sedaya upaya mengekalkan merit tertinggi.

"Pemilihan pelajar untuk menginap di kolej adalah atas ukuran aktif atau tidak seseorang pelajar itu. Ini bermakna, pelajar perlu bersaing untuk menginap di kolej kediaman melalui sistem merit.

"Merit paling banyak menunjukkan seseorang pelajar itu lebih aktif. Siapa yang lebih aktif akan dapat tempat di kolej kediaman berdasarkan kapasiti yang disediakan," katanya.

Bagaimanapun katanya, ketika ini walaupun ramai pelajar UPM tidak menginap di asrama namun semua masih terkawal. Apatah lagi banyak usaha yang dibuat oleh pihak universiti termasuklah membantu golongan B40 yang tidak mampu untuk menyewa di luar.

"Pokoknya adalah pelajar perlu datang dan memaklumkan kepada pihak pengurusan kolej kediaman atau universiti untuk berbincang. Keutamaan, pasti akan diberikan kepada mereka.

"Untuk rumah sewa juga bagi kami tiada masalah yang besar lagi, semuanya dapat diselesaikan

dan dikawal," katanya.

Tegas Mohammad Haziq Zikri, pelajar yang menginap di rumah sewa juga secara umumnya akan merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi mendapatkan informasi berkaitan bagi mengelakkan sebarang penipuan.

Katanya, MPP UPM juga sentiasa cakna terhadap keadaan pelajar di dalam mahu pun luar kampus. Malah mereka turut membuka saluran untuk pelajar menghantar aduan dan mengemukakan soalan.

#### Sewa di luar mahal

Sementara itu bagi pelajar Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM), Nor Syafila Abdullah, berkata tidak dinafikan kehidupan di kolej kediaman dan rumah sewa terlalu banyak bezanya.

Lokasi kolej kediaman yang lebih dekat dengan dewan kuliah memudahkan pelajar bergerak, malah ada kala mereka hanya perlu berjalan kaki. Bagaimanapun, menetap di luar kampus menuntut kos pengangkutan selain isu lain seperti bayaran sewa rumah, utiliti dan sebagainya.

"Saya berharap pelajar senior juga ditawarkan kolej kediaman. Satu daripada caranya adalah dengan menambah jumlah sedia ada.

"Bukan semua pelajar mampu menyewa di luar, apatah lagi dalam keadaan ekonomi sekarang yang menyebabkan ada antara kami yang perlu bekerja secara sambilan," katanya.

Nor Syafila berkata, beliau membelanjakan antara RM500 hingga RM700 sebulan menampung perbelanjaan termasuk kos pengangkutan dan menyiapkan

tugas ilmiah yang diberikan pensyarah.

"Walaupun jarak antara rumah sewa dan kampus hanya tiga kilometer tetapi saya tidak mempunyai kenderaan persendirian sebaliknya perlu menaiki pengangkutan awam, e-hailing dan teksi.

"Jika menaiki bas awam, dapatlah berjimat dengan kos RM50 sebulan. Tetapi jika terlepas bas, saya perlu gunakan perkhidmatan e-hailing yang mengambil kira RM5 hingga RM10 untuk satu hala perjalanan bergantung masa waktunya puncak atau tidak.

Bagaimanapun, tegaskan beliau tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa menyewa di luar kampus kerana penempatan kolej kediaman untuk pelajar senior di UM agak terhad.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan Pemimpin Belia UM, Abby Natasha Jasmine Abdullah, berkata sesuai dengan pertambahan jumlah kemasukan pelajar ke kampus, adalah wajar kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat menambahkan peruntukan untuk membina kampus atau rumah khas pelajar.

Selain itu katanya, KPT perlu menyediakan elaun bagi pelajar yang menetap di luar kampus supaya kos sara hidup mereka dapat dikurangkan.

"Elaun ini perlu diberikan mengikut kawasan. Misalnya pelajar yang belajar di Kuala Lumpur patut mendapat elaun lebih tinggi berbanding mahasiswa di Perlis.

"Bagi peringkat universiti pula, haruslah memastikan kebijakan pelajar di luar kampus sentiasa terjaga," katanya.

• Bagi UPM, kriteria kelayakan untuk pelajar terus menginap di kolej kediaman, antaranya aktif dalam kegiatan yang diluluskan pihak universiti,

Prof Dr Arifin Abdu,  
Timbalan Naib  
Canselor (Hal  
Ehwal Pelajar dan  
Alumni), UPM



• Penempatan hanya disediakan untuk 45 hingga 55 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar UPM

Mohammad Haziq Zikri Zainuri,  
YDP Majlis  
Perwakilan  
Pelajar  
UPM 2021  
/2022



• Tidak dinafikan kehidupan di kolej kediaman dan rumah sewa terlalu banyak bezanya

Nor Syafila  
Abdullah,  
Pelajar Fakulti  
Sastera  
dan Sains  
Sosial UM



• KPT perlu menyediakan elaun bagi pelajar yang menetap di luar kampus

Abby Natasha  
Jasmine Abdullah,  
AJK Persatuan  
Pemimpin  
Belia UM

